



GARIS PANDUAN KADAR KOMPAUN BAGI KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN UNTUK PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI SARAWAK

- a. Menetapkan prosedur sebagai panduan dan rujukan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam aktiviti penguatkuasaan undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan, termasuk kesalahan yang boleh dikompau di bawah undang-undang perumahan dan strata; dan
- b. Menyeragam dan memperkemaskan kadar kompaun serta proses pengeluaran kompaun agar pelaksanaannya adalah konsisten, telus dan berkesan di semua Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak.

- Meningkatkan pematuhan undang-undang tempatan;
- Mempercepatkan penyelesaian kesalahan kecil;
- Mengurangkan beban pendakwaan di mahkamah; dan
- Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang tanggungjawab awam.

- 2.2 Namun, kadar kompaun yang tidak seragam antara Pihak Berkuasa Tempatan boleh menimbulkan kekeliruan serta persepsi ketidakadilan. Oleh itu, garis panduan ini diwujudkan sebagai rujukan rasmi.

3. Asas Undang-Undang dan Skop Pemakaian

Pekeliling ini terpakai kepada semua pegawai penguatkuasa yang diberi kuasa di bawah undang-undang, ordinan, peraturan kecil dan undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. Undang-undang dan Peraturan Kecil Pihak Berkuasa Tempatan;
- b. Undang-undang berkaitan perumahan; dan
- c. Undang-undang berkaitan pengurusan strata.

4. PRINSIP PENETAPAN KADAR KOMPAUN DAN TANGGUNGJAWAB PBT

Kadar kompaun ditetapkan berdasarkan prinsip berikut:

- a. Keseriusan kesalahan;
- b. Impak kepada keselamatan, kesihatan awam dan alam sekitar;
- c. Kekerapan kesalahan (ulang atau pertama kali);
- d. Tahap kesedaran dan niat pesalah; dan
- e. Kepentingan awam dan pencegahan (deterrence)

4. Tarikh kuatkuasa

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2026**.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



DATU ELIZABETH LOH
Setiausaha Tetap

Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Sarawak

Senarai Agihan:

- (1) Pengarah,
Dewan Bandaraya Kuching Utara
- (2) Pemangku Setiausaha Bandaraya,
Majlis Bandaraya Kuching Selatan
- (3) Setiausaha Bandaraya,
Majlis Bandaraya Miri
- (4) Pengurus Besar,
Lembaga Kemajuan Bintulu
- (5) Pemangku Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Sibu
- (6) Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Padawan
- (7) Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
- (8) Setiausaha, Majlis Daerah Bau
- (9) Setiausaha, Majlis Daerah Lundu
- (10) Setiausaha, Majlis Daerah Serian
- (11) Pemangku Setiausaha, Majlis Daerah Simunjan
- (12) Setiausaha, Majlis Daerah Sri Aman
- (13) Setiausaha, Majlis Daerah Lubok Antu
- (14) Setiausaha, Majlis Daerah Betong
- (15) Setiausaha, Majlis Daerah Saratok
- (16) Setiausaha, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu
- (17) Setiausaha, Majlis Daerah Kanowit
- (18) Setiausaha, Majlis Daerah Sarikei
- (19) Setiausaha, Majlis Daerah Maradong & Julau
- (20) Setiausaha, Majlis Daerah Mato & Daro
- (21) Setiausaha, Majlis Daerah Dalat & Mukah

- (22) Setiausaha, Majlis Daerah Kapit
- (23) Setiausaha, Majlis Daerah Marudi
- (24) Setiausaha, Majlis Daerah Subis
- (25) Setiausaha, Majlis Daerah Limbang
- (26) Setiausaha, Majlis Daerah Lawas
- (27) Setiausaha, Majlis Daerah Gedong
- (28) Setiausaha, Majlis Daerah Siburan
- (29) Setiausaha, Majlis Daerah Sebuyau

s.k Pengarah,
Unit Pentadbiran, Jabatan Premier Sarawak

SENARAI AGIHAN:

Setiausaha Sulit Kepada YB Datuk Amar Dr. Sim Kui Hian
Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak

Setiausaha Sulit Kepada YB Datuk Dr. Penguang Manggil
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak
(Kerajaan Tempatan)

Setiausaha Sulit Kepada YB Datuk Michael Tiang Ming Tee
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak
(Kesihatan Awam dan Perumahan)



**GARIS PANDUAN
UNTUK
KADAR KOMPAUN
BAGI KESALAHAN BOLEH
DIKOMPAUN**

Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Penguatkuasaan undang-undang merupakan salah satu perkara yang penting dalam menjaga kesejahteraan bandar. Oleh yang demikian, keupayaan melaksanakan penguatkuasaan dan faktor yang mempengaruhinya oleh pegawai yang terlibat di dalam penguatkuasaan undang-undang menjadi sangat penting dalam menentukan keberkesanan penguatkuasaan.
- 1.2 Pengetahuan seseorang pegawai penguatkuasa mengenai prosedur undang-undang, proses kerja dan hubungan dengan masyarakat adalah penting serta merupakan salah satu daripada tiga (3) faktor yang boleh mempengaruhi keupayaan kerja-kerja penguatkuasaan selain faktor organisasi di mana pegawai penguatkuasa berkhidmat, dan faktor persekitaran.
- 1.3 Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan adalah bertujuan untuk mendidik supaya masyarakat mematuhi undang-undang perbandaran seperti kebersihan dan sebagainya. Pendidikan dalam konteks penguatkuasaan adalah dalam bentuk notis amaran, notis aduan, notis peringatan dan notis pematuhan.
- 1.4 Namun begitu, penguatkuasaan tidak dapat lari daripada elemen-elemen penalti sebagai satu mekanisme bagi mengawal dan mencegah masyarakat daripada melanggar undang-undang melalui kaedah kompaun dan pendakwaan.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini diwujudkan sebagai bahan rujukan dan panduan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang. Di samping itu, garis panduan ini juga bertujuan mencapai beberapa objektif, antara lain seperti berikut;-
 - 2.2.1 memastikan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dibuat secara berkesan dan berhemah;
 - 2.2.2 memastikan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan secara telus dan mematuhi kehendak undang-undang.

3.0 PUNCA KUASA

- 3.1 Terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang memberi kuasa penguatkuasaan untuk dijalankan seperti di Lampiran 1.
- 3.2 Peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menawarkan kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang berkaitan adalah seperti berikut:

3.2.1 Subseksyen 156 (1) of the The Local Authorities Ordinance, 1996 [Cap.20]

Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari seorang Inspektor atau mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberikuasa secara bertulis bagi Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengkompaun mana-mana kesalahan, yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompoun, dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan sejumlah wang yang tidak melebihi setengah daripada jumlah maksimum denda yang ditetapkan untuk kesalahan.

3.2.2 Section 124(1) of the Strata Management Ordinance, 2019 [Cap. 76]

124.—(1) The Commissioner or any officer authorized by the Commissioner by notification in the Gazette, may compound any offence committed by any person under this Ordinance or its subsidiary legislation and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person who has committed an offence under this Ordinance or its subsidiary legislation to compound the offence upon payment to the Commissioner an amount of money not exceeding fifty per centum of the maximum fine for that offence within such time as may be specified in the written offer.

3.2.3 Regulations 27 and 28 of The Housing Development (Control and Licensing) Regulations, 2014 Compoundable offences

27.—(1) The following offences are hereby prescribed as offences which may be compounded, namely:

(a) offences under sections 12(10), 57, 59, 60 and 65 of the Ordinance; and

(b) offences under any regulations made under section 67 of the Ordinance.

(2) The Controller or any person who is authorized in writing by the Controller shall have the authority to compound any of the aforesaid offence.

3.2.4 Offer to compound

28. When the Controller or any person authorized in writing by the Controller under regulation 27 decides to compound an offence, he shall send or cause to be sent to or personally serve or cause to be personally served on the person reasonably suspected of having committed the offence an offer to compound as in Form D in the Schedule.

3.2.5 Section 60B of the Building Ordinance, 1994 Power to compound offences

60B. (1) The local authority or any person duly authorized by local authority may, with the consent in writing of the Public Prosecutor, compound any offence committed by any person under this Ordinance, prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected to have committed the offence to compound the offence upon payment to the local authority or any person duly authorized by local authority an amount of money not exceeding two-third of the maximum fine for that offence within such time as may be specified in his written offence.

3.2.6 Section 61 of the Protection of Public Health Ordinance, 1999

Compounding of offences

61. A public health officer or any other officer duly authorized in writing by a local authority may accept from any person reasonably suspected of having committed any offence under this Ordinance or any regulations made thereunder, a sum of money not exceeding one half of the fine prescribed for such offence.

3.2.7 *Section 28 of the Entertainment Ordinance, 2000*

Compounding of offences

28. The Chief Administrative Officer or an authorized person may accept from any person reasonably suspected of having committed any offence under this Ordinance or its by-laws, a sum of money not exceeding one-half of the maximum fine prescribed for such offence.

3.2.8 *Regulation 78 of the Strata Management (Management and Maintenance) Regulations, 2022*

Compoundable Offences

78. All offences under these Regulations are prescribed to be compoundable offences for the purposes of section 124 read together with section 137(g) of the Ordinance.

4.0 JENIS-JENIS PENGUATKUASAAN

- 4.1 Aktiviti penguatkuasaan terdiri daripada dua (2) aspek utama, iaitu:
 - (a) kawalan dan
 - (b) pencegahan.
- 4.2 Bagi membolehkan kawalan dan pencegahan dilakukan secara berkesan, undang-undang memperuntukkan beberapa kaedah penguatkuasaan yang boleh dilaksanakan seperti:
 - (a) amaran secara bertulis;
 - (b) pengeluaran notis statutori;
 - (c) kompaun;
 - (d) sitaan;
 - (e) penutupan premis;
 - (f) pendakwaan;
 - (g) mendapatkan perintah mahkamah.; dan
 - (h) penguatkuasaan perintah mahkamah.
- 4.3 Pelaksanaan kaedah-kaedah ini bergantung kepada peruntukan undang-undang dan jenis kesalahan, antara lain, seperti yang disenaraikan di bawah:-

Bil.	Kaedah Penguatkuasaan	Undang-undang	Undang-undang berkaitan
1	Kompapun	The Local Authorities Ordinance, 1996 [Cap.20]	S dan SS 87(6), 108(2), 109(4), 110(1), 113(5), 116, 117, 136(1), 145(5), 150, 162, 166(2)
		The Local Authorities (Cleanliness) By Laws, 1999	BL 8 (1) & (2) , 10(5) , 11(3) , 12(1) , 13(3) , 14(3) , 16 , 18(3) , 19 , 20(1) , 22(2) , 24 , 26(3) , 27(4) , 28(4)(b) , 33 , 36(2) , 41(3)
2	Pendakwaan	The Local Authorities Ordinance, 1996 [Cap.20]	S dan SS 59(2) , 65(2) , 103(3), 107(2) , 108(2) , 109(4) , 109 (7) , 110(1) , 113(5) , 113(10) , 114(2) , 116 , 117 , 136(1) , 150, 162, 166(2)
		The Local Authorities (Cleanliness) By Laws, 1999	BL 8(1) , 10(5) , 11(3) , 12(1) , 13(3) , 14(3) , 16 , 18(3) , 19 , 20(1) , 22(2) , 24 , 26(3) , 27(4) , 28(4)(b) , 33 , 36(2) , 41(3)
		CKN (Library) By-Laws, 2002	BL 5(5), 6, 8, 9, 11, 19
		CKN (Licensing and Control of Public Car Parks), 1999	BL 3, 9, 11, 17
		CKN (Hawkers) By-Laws, 2005	BL 3(1), 3(2), 7(1), 9(1), 9(2), 18 20 (1) (a), BL20 (1) (b), BL20 (2)
		CKN (Parks) By-Laws, 2010	BL 3(2), 4(1), 4(2), 4(3), 5, 6(1), 6(2), 6(3), 7(1), 7(2), 7(3), 7(4), 8(1), 9, 10, 11, 12, 13, 14(1), 14(2), 16(1), 16(2), 17(1), 17(2), 18, 19(1), 19(2), 21 (2)
		CKN (Carwash Centre) By-Laws, 2010	BL 3, 11, 12(1), 16

Bil.	Kaedah Penguatkuasaan	Undang-undang	Undang-undang berkaitan
		CKN (Public Conveniences) By-Laws, 1991	BL 3, 4(1), 4(2), 4(3), 4(4), 4(5), 4(6), 4(7), 6(1), 6(2), 8
		CKN (Licensing of Premises of Lottery Agencies) By-Laws, 1995	BL 3, 9
3	Perintah Mahkamah	The Local Authorities Ordinance, 1996 [Cap.20]	SS 109(3) , 113(5) , 114(2)
		The Local Authorities (Cleanliness) By Laws, 1999	BL 20(4) , 20(5) , 20(8) , 26(4)(b) , 52(2)
		CKN (Hawkers) By-Laws, 2005	BL 20 (1) (b), 20 (2)
		CKN (Parks) By-Laws, 2010	BL 21 (2)
		CKN (Carwash Centre) By-Laws, 2010	BL 16

Strata Management Ordinance, 2019

Bil.	Kaedah Penguatkuasaan	Undang-undang	Undang-undang berkaitan
1.	Kompaun	Strata Management Ordinance, 2019	S 124
		Strata Management (Compounding of Offences) Regulations, 2023	S dan SS 5(7) & (8), 8(4), 9(7), 10(7), 11(11), 12(3), 13(5), 14(4), 17(2), 24(5), 25(4), 27(3), 28(2) and (3), 32(3), 38(4), 39(3), 40(4), 41(3), 43(3), 44(5), 45(4), 47(2) and (3), 51(5), 59(4), 65(2) & (3), 71(3), 78(5), 80(2), 81(6), 111, 114(7), 122, 123(3), 140; and

Bil.	Kaedah Penguatkuasaan	Undang-undang	Undang-undang berkaitan
			(b) offences under any Regulations made under sections 137 of the Ordinance;
		Strata Management (Management and Maintenance) Regulations, 2022	R 78

The Housing Development (Control and Licensing) Ordinance, 2013

Bil.	Kaedah Penguatkuasaan	Undang-undang	Undang-undang berkaitan
1.	Kompaun	The Housing Development (Control and Licensing) Regulations, 2014	R 27 dan 28

The Entertainment Ordinance, 2000

Bil.	Kaedah Penguatkuasaan	Undang-undang	Undang-undang berkaitan
1.	Kompaun	Entertainment Ordinance, 2000	S 28
		Entertainment (Compounding of Offences) Bylaws, 2002	BL 3

Petunjuk :

S – Section, SS – Sub-Section, BL – By-Law, R – Regulations

Nota : Senarai peruntukan undang-undang dan kaedah penguatkuasaan yang tersenarai di atas masih dapat dikembangkan untuk meliputi kuasa dan peruntukan perundangan yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak.

5.0 KOMPAUN

- 5.1 Kompaun merupakan salah satu kaedah penguatkuasaan yang dibenarkan oleh undang-undang di mana orang yang melakukan kesalahan ditawarkan untuk membayar satu jumlah wang sebagai ganti kepada pendakwaan.
- 5.2 Buat masa ini, kaedah kompaun digunapakai bagi kesalahan-kesalahan di bawah The Local Authorities Ordinance, 1996 **[Cap.20]** dan The Local Authorities (Cleanliness) By Laws, 1999 dan senarai peruntukan undang-undang seperti di Lampiran 1.
- 5.3 Kadar kompaun yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut kecuali kadar kompaun bagi kesalahan letak kereta yang mana hendaklah dikeluarkan dengan kadar kompaun yang penuh -

Bil.	Kesalahan	Kadar kompaun dikenakan
1	Pertama	20% daripada denda yang ditetapkan di dalam penalti
2	Kedua	30% daripada denda yang ditetapkan di dalam penalti
3	Ketiga	50% daripada denda yang ditetapkan di dalam penalti
4	Keempat dan seterusnya	Didakwa di mahkamah majistret bagi kesalahan yang dilakukan.

Nota: Sekiranya kesalahan berulang dalam tahun berlainan ianya tetap akan dikira sebagai kesalahan berulang.

Contoh: A melakukan kesalahan yang sama pada bulan Jun dan September 2020. Maka kesalahan dilakukan kali pertama dan kedua.

A mengulangi kesalahan yang sama pada bulan April dan Oktober 2021. Maka kesalahan dilakukan kali ketiga dan keempat.


Petunjuk: Bagi kesalahan di bawah *Parking Order*, selain daripada kesalahan letak kenderaan, seperti kegagalan untuk mempamerkan kupon dan sebagainya kadar kompaun adalah di bawah budi bicara Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

- 5.4 Pembatalan disebabkan ralat atau kesilapan adalah di bawah kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 5.5 Pengurangan kompaun yang melibatkan jumlah melebihi RM250.00 mesti melalui sokongan mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan dan diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan selaras dengan peruntukan Peraturan 296 *Local Authorities Financial Regulations 1997* sekiranya hendak melakukan pengurangan atau hapus kira hal-hal melibatkan kewangan.

6.0 CARTA ALIR

CARTA ALIR PANDUAN PENGURUSAN KES PENGUATKUASAAN OLEH PEGAWAI KOMPAUN

Carta Alir (Kompaun)




Petunjuk : KS – Ketua Seksyen, PP – Pegawai Penyiasat, NFA – No further action

****Nota :** Kampaun tidak dibayar dalam tempoh **7** hari yang telah ditetapkan oleh PBT, peringatan akan dikeluarkan mengikut tempoh masa dibawah:

- (a) Peringatan pertama - **7** hari selepas tamat tempoh pembayaran kampaun; dan
- (b) Peringatan kedua – 14 hari selepas tamat tempoh peringatan pertama.

CARTA ALIR PANDUAN PENGURUSAN PEGAWAI KOMPAUN



7.0 PROSEDUR KERJA TERPERINCI

7.1 Tatacara Mengenakan Kompaun

7.1.1 Setelah menerima salinan Notis Aduan daripada Pegawai Penguatkuasa berhubung dengan suatu kesalahan yang telah dilakukan, Pegawai Kompaun akan memeriksa rekod kesalahan yang telah dilakukan oleh pelaku.

7.1.2 Pegawai Kompaun yang mengeluarkan notis tawaran kompaun hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- (a) Menentukan nama pelaku, nombor kad pengenalan dan alamat dicatat dengan betul;
- (b) Mengisi semua ruang kosong di dalam Borang 'A';
- (c) Memastikan peruntukan undang-undang yang dicatatkan di dalam Borang 'A' adalah menepati kesalahan yang dilakukan;
- (d) Memastikan semua butiran kesalahan dicatat mengikut peruntukan undang-undang berkaitan;
- (e) Mencatat tarikh, masa dan tempat kesalahan dilakukan dan tarikh kompaun dikeluarkan;
- (f) Menerangkan dengan jelas kepada pelaku jumlah kompaun yang perlu dibayar secara terus (rujuk para 5.2) seterusnya meminta pelaku untuk menurunkan tandatangan di Borang 'B' sebagai persetujuan terhadap tawaran kompaun yang dikenakan keatasnya;
- (g) Menyerahkan Borang 'A' dan bil eLA2 kepada pelaku, seterusnya mengarahkan pelaku untuk membuat pembayaran di kaunter bayaran SBBS.

7.1.3 Jika pelaku enggan membayar jumlah kompaun yang ditawarkan atau tidak bersetuju dengan jumlah kompaun yang ditawarkan kepadanya, maka kes tersebut dibuka kertas siasatan beserta Izin Pendakwaan dari Timbalan Pendakwaraya (TPR). Setelah itu Kertas siasatan dirujuk kepada Seksyen Undang-Undang untuk tindakan pendakwaan. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak mempunyai Pegawai Undang-Undang ataupun Penolong Pegawai Undang-Undang hendaklah merujuk kertas

siasiatan kepada Jabatan Peguam Besar Negeri untuk tindakan pendakwaan.

7.1.4 Kemaskini rekod.

8.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa pada tarikh dinyatakan dalam surat pekeliling.

PUNCA KUASA UNDANG-UNDANG

1. The Local Authorities Ordinance, 1996 [**Cap. 20**]
2. Entertainment Ordinance, 2000 [**Cap. 33**]
3. Protection of Public Health Ordinance, 1999 [**Cap. 30**]
4. Strata Management Ordinance, 2019 [**Cap. 76**]
5. Building Ordinance, 1994 [**Cap.8**] *
6. Housing Development (Control and Licensing) Ordinance, 2013

***NOTA:** Kompaun di bawah Building Ordinance, 1994 dilaksanakan bila Building (Amendment) Ordinance, 2025 dikuatkuasa yang telah memasukkan kuasa mengeluarkan kelulusan bertulis daripada pendakwa raya.